

TASAWUF MENURUT PERSPEKTIF SAID HAWWA DENGAN TUMPUAN KEPADA BUKU *TARBIYATUNA AL- RUHIYYAH*

Mohd. Rumaizuddin Ghazali¹

Abstrak

Said Hawwa merupakan ilmuwan haraki yang penuh dedikasi menekuni dalam bidang pendidikan kerohanian. Penulis yang cukup prolifik ini mempromosikan kerohanian Islam yang digabungkan dengan semangat perjuangan islah. Dalam buku *Tarbiyatuna al-Ruhiah*, Said Hawwa menjelaskan mengenai tasawuf yang sepatutnya diamalkan oleh orang Islam terutama ahli gerakan dakwah dan membuat pencitraan semula ilmu tasawuf dengan motif tersirat untuk melepaskan ilmu tasawuf dari imej eksklusif dan elit. Beliau ingin memasyarakat kembali ilmu tasawuf kerana setiap Muslim sangat memerlukan ilmu tersebut dan perlu memahaminya secara betul dan tepat. Dalam artikel ini, penulis membicarakan pandangan Said Hawwa mengenai tasawuf, ciri-ciri serta kajian dalam ilmu tasawuf. Penulis juga membahaskan mengenai pengertian roh, akal, al-nafs dan al-qalb dalam konteks ilmu tasawuf, perkara yang menyemarakkan aktiviti kerohanian, kasyaf, ilham, mimpi, karamah dan konsep mujahadah.

Kata kunci: tasawuf, mujahadah, pendidikan spiritual dan perjalanan menuju Allah.

Abstract

Said Hawwa was a dedicated scholar-activist who had meticulously studied spiritual education. A prolific author, he promoted Islamic spirituality that is blended with reformism. In his book, *Tarbiyatuna al-Ruhiah*, Said Hawwa espoused the tasawuf that should have

¹ He is an Associate Professor under the Da'wah programme at the Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia.

been practiced by the Muslims especially those activists of da'wah (propagation). He even re-conceptualised *ilm al-tasawuf* with the subtle objective of relieving it from the perception of exclusivity and elitism. He hoped to disseminate to the masses the *ilm al-tasawuf* as each and every Muslim is in need of it and therefore he/she should understand it properly and correctly. In this article, the author discusses the views propounded by Said Hawwa on tasawuf and its characteristics as well as studies in *ilm al-tasawuf*. The author also discusses the meanings of *ruh*, *akal*, *al-nafs* and *al-qalb* within the context of *ilm al-tasawuf*, *kasyaf*, *ilham*, dreams, *karamah* and *mujahadah*, as well as other aspects that rejuvenates spiritual activities.

Keywords: tasawwuf, mujahadah, spiritual education, the path towards God.

Mukadimah

Dalam buku *Tarbiyatuna al-Ruhiah*, Said Hawwa menjelaskan mengenai tasawuf yang sepatutnya diamalkan oleh orang Islam terutama ahli gerakan dakwah dan ingin memasyarakat kembali ilmu tasawuf kerana setiap Muslim sangat memerlukan ilmu tersebut dan perlu memahaminya secara betul dan tepat. Tajuk asal buku *Tarbiyatuna al-Ruhiah* yang dicadangkan ialah *Tasawwuf al-Harakah al-Islamiyyah al-Mu'asarah* (Tasawuf gerakan Islam semasa) memandangkan kebanyakan kupasannya menekankan pengamalan sufi dikalangan orang yang mengelarkan diri sebagai ahli gerakan dakwah dan Islam.

Allah menjadikan pendidikan kerohanian asas kejayaan seseorang dalam hidupnya kerana seorang yang melakukan ibadat tetapi tidak ikhlas maka amalan adalah sia-sia dan seseorang yang beribadat tetapi tidak memiliki akhlak Islam merupakan penyakit hati yang tidak ada nilai di sisi Allah. Oleh itu, proses pembaikan adalah melalui tazkiyyah atau penyucian jiwa. Sepanjang sejarah, ilmu tazkiyyah dan tasawuf telah diserapi dengan penyelewengan dan hadith-hadith yang daif dan palsu yang menyebabkan ilmu ini perlu kepada pembaharuan dengan meninggalkan perkara-perkara tersebut dan khurafat. Di samping antara tugas utama Rasulullah adalah

tazkiyyah jiwa manusia. Perkara ini menyebabkan Said Hawwa memberi perhatian utama dalam bidang pendidikan kerohanian dan penyucian jiwa dalam penulisan dan memiliki penulisan khusus dalam bidang ini iaitu buku berikut :

- i. *Tarbiyatuna al-Ruhiah*
- ii. *Al-Mustakhlis fi Tazkiyyah al-Anfus*
- iii. *Muzakirat fi Manazil al-Siqdiqqin wa al-Rabbaniyyin*

Faktor-Faktor Penulisan siri Spiritual

Said Hawwa menjelaskan antara faktor yang mendorong menulis buku siri pendidikan spiritual adalah sebagai berikut :

- i. Keperluan Gerakan Islam kontemporari yang terdiri daripada para ulama dan pendakwah terhadap teori dan pandangan yang jelas mengenai tasawuf akan dapat memelihara ilmu ini dari penyimpangan dalam perjalanan alirannya yang sentiasa bergelojak di samping dapat menangkis serangan musuh terhadap ilmu ini. Kehidupan rohani sangat penting bagi para aktivis gerakan Islam dan tidak boleh abaikan sama sekali. Oleh sebab itu, mengenal tasawuf sangat penting seperti sama penting memahami tentang persoalan organisasi, agenda aktiviti dan ilmu-ilmu lain. Tanpa semua itu, umat Islam akan kehilangan pegangan.
- ii. Buku-buku yang membicarakan dan mengkaji tentang tasawuf adalah terhad terutama buku-buku tasawuf yang disusun dalam kerangka akidah ahli sunnah waljamaah dan berbagai mazhab fikahnya. Oleh itu, Said Hawwa berasa terdorong untuk menyusun sebuah buku tentang tasawuf kerana buku tasawuf yang beredar selama ini tidak memberi kepuasan kepada para pembaca terpelajar dengan huraian yang tidak sistematik, pengistilahan yang tidak tepat bahkan cenderung berlebihan. Oleh itu, kehadiran buku yang membicarakan secara sistematik dan jelas merupakan satu keperluan.
- iii. Kebanyakan penulis buku tasawuf menjadikan ilmu ini sebagai ilmu khusus (*specialized science*) padahal semua orang

memerlukan pengetahuan dalam bidang ini kerana banyaknya hal yang berkait dengan keperluan mereka sendiri seperti kesihatan mental, kesucian jiwa dan perkara-perkara lain yang memang diperlukan semua orang. Oleh sebab itu, buku-buku tersebut perlu dikritik dan dikembalikan kepada kedudukan yang sebenarnya.

- iv. Ilmu tasawuf telah bercampur dengan beberapa hal yang membuatnya menjadi seperti teka teki. Ilmu tasawuf tampak seperti bukan sebuah ilmu yang mempunyai doktrin yang jelas. Kadangkala tasawuf menjadi ilmu yang terpisah dari ilmu tauhid, fiqh dan usul fiqh. Tidak jarang juga, tasawuf diumpamakan seperti ilham yang memiliki kekuatan seperti wahyu dalam menentukan sesuatu syariat dan ketetapan-ketetapan hukum lainnya. Di samping penafsiran makna al-Quran yang mengelirukan kerana memahami al-Quran dari satu sudut sahaja. Sekiranya mereka berusaha memdalami teks dan memahami secara betul, nescaya hal itu merupakan kebaikan dan kesempurnaan. Itulah yang ingin ditengahkan oleh Said Hawwa dalam siri buku tasawuf ini.
- v. Kebanyakan orang yang menggeluti dan mengamalkan ilmu tasawuf kurang mempunyai wawasan keislaman. Pemahaman keislaman mereka sempit bahkan mereka hidup jauh dari zaman mereka sendiri dan jauh dari prinsip-prinsip keislaman yang semestinya diketahui oleh setiap muslim. Oleh sebab itu, sudah menjadi kewajipan bagi gerakan Islam sufistik untuk memperbetul dan meluruskan persoalan itu. Tasawuf harus dikembalikan kepada tempatnya iaitu sebagai pencetus jihad. Beberapa faktor-faktor di atas, Said Hawwa terpenggil untuk menulis dalam siri buku tasawuf. Beliau cuba meluruskan kefahaman dan kekeliruan yang timbul dalam ilmu tasawuf terutama pandangan yang mengatakan bahawa perjalanan menuju Allah hanya melalui jalan sufistik dan tarekat. (Said Hawwa, 1999:5-7)

Buku *Al-Mustakhlis fi Tazkiyyah al-Anfus* yang dikarang setelah *Tarbityatuna al-Ruhiah* adalah bertujuan memperjelaskan lagi kedudukan penyucian jiwa, kaedah dan pelaksanaan melalui ibadat

jasmani dan hati. Perkara ini disebabkan buku *Tarbiyatuna al-Ruhiah* merupakan perbahasan yang mendasar dalam memahami tasawuf. Menurut Said Hawwa antara sumber utama buku *Al-Mustakhlis fi Tazkiyyah al-Anfus* ini ialah buku *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali. Pemilihan buku ini disebabkan :

- i. Imam al-Ghazali semasa hidupnya telah telah memiliki pandangan yang jauh dan kemudian menunjukkan berbagai kelemahan mengenai kehidupan kerohanian. Beliau telah membicarakan penyakit-penyakit tersebut serta cara mengatasinya. Pandangan-pandangannya dalam hal tersebut adalah jitu dan tepat iaitu penyakit tersebut dapat disembuhkan melalui ubat yang diberikannya.
- ii. Buku ini merangkumi semua perbahasan dalam aspek penyucian jiwa secara lengkap beserta dengan pentakrifan, pelaksanaan amalan-amalan tersebut, jenis-jenis penyakit dan cara mengatasinya.
- iii. Kitab *Ihya'* menggabungkan antara akal dalam huraianannya (Said Hawwa, 1988:5).

Dalam buku ini, Said Hawwa hanya memilih bab-bab yang penting sahaja dan perbahasan yang tidak menimbulkan perselisihan dan bantahan. Mengenai hadis daif yang sering didapati dalam *Ihya' Ulumiddin*, beliau tidak menuliskannya dan hanya mengambil hadis yang sahih dan jelas riwayatnya dari Nabi Muhammad SAW.

Tasawuf antara dua persimpangan

Menurut Said Hawwa setiap orang Islam adalah penempuh jalan menuju Allah selagi dia menjalankan semua diperintahkan Allah SWT kepadanya dan dia mempunyai kedudukan tersendiri dalam perjalanan tersebut. Beliau menolak keras pandangan yang mengatakan bahawa perjalanan tersebut menuju Allah hanya dapat ditempuh melalui jalan sufistik. Beliau membantah ahli-ahli sufi ekstrem yang mengatakan bahawa bahawa pengamal-pengamal tarekat sufi sahajalah yang benar-benar penempuh perjalanan menuju Allah (Said Hawwa, 1999:7).

Sebahagian pengkaji mensyaratkan bagi orang yang ingin menjalani hidup sufi seperti berikut :

- i. Mempunyai potensi iaitu persediaan semulajadi yang tentunya perlu disuburkan melalui usaha dan ijtihad.
- ii. Memasuki tarekat yang sah, iaitu yang sah silsilahnya dan sah gurunya.
- iii. Meneruskan mujahadah dengan bimbingan gurunya untuk mencapai peringkat-peringkat maqamnya (Mohd Sulaiman Hj Yasin, 1997:80).

Manhaj yang digunakan Said Hawwa ialah menampilkan tasawuf yang bebas sesuai dengan perspektif al-Quran dan al-Sunah serta pelbagai mazhab yang benar kerana ia merupakan merupakan satu-satu orientasi dalam mengenali tasawuf yang benar. Pengamal-pengamal tasawuf dan juga golongan yang lain bukanlah orang-orang yang bebas dari dosa dan segala kekeliruan mengenai tasawuf perlu dimurnikan. Oleh itu, beliau mengatakan dua kewajipan terpenting dalam penulisan buku ini iaitu pertama; mesti menunjukkan kepada manusia perjalanan yang benar menuju Allah SWT. Kedua, mesti membebaskan tasawuf dari pelbagai kabus yang menyelimutinya agar orang muslim tidak jatuh dalam kejahilan yang samar (Said Hawwa, 1999:12).

Muhammad Amin al-Kurdi menyebutkan ilmu tasawuf yang juga dikenali sebagai *'ilm batin* itu adalah merupakan sebaik-baik ilmu yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan seorang yang alim sewajarnya bergaul dengan ahli tarekat agar mereka dapat menunjukkan orang alim tersebut akan jalan Allah yang lurus. Di samping dapat membantu orang alim tersebut itu mengeluarkannya dari pengaruh-pengaruh hawa nafsu yang jahat dan ajakannya yang sukar untuk diketahui. Menurutnya, bahawa wajib seseorang itu mempunyai syeikh mursyid yang dapat mendidiknya supaya dapat menghapuskan sifat tercela dan hatinya sentiasa bersama Allah (Muhammad Amin,2004:264).

Dalam membincangkan mengenai tasawuf ini, Said Hawwa

mengatakan bahawa beliau juga terlibat dengan tarekat dan mempelajari tasawuf dari seorang ulama sufi yang terbesar dan sangat dipercayai. Namun perkara ini tidak memaling beliau dari asas yang utama iaitu berpegang kepada al-Quran dan al-Sunah. Beliau berharap tasawuf dapat dimurnikan seperti berikut :

- i. mewujudkan suatu bentuk tasawuf salafi yang mempunyai syeikh dan halaqahnya sendiri iaitu halaqah ilmu dan halaqah zikir.
- ii. Meningkatkan gabungan baik antara manusia dan semakin subur halaqah kebaikan dan pengamal-pengamalnya. Perkara itu mesti berdasarkan pada prinsip-prinsip syariah.
- iii. Keperluan kepada harakah Islamiah berpegang pada pendidikan sufi sama ada dalam bentuk pemikiran ataupun praktiknya secara umum. Perkara itu juga mesti jelas dari mula kerana ia akan memberi kesan yang positif. Menurut Said Hawwa, sebahagian ahli dakwah yang melibatkan diri dengan tarekat dan bimbingan syeikh telah melupai kepentingan dakwah dan jihad pada era moden ini.
- iv. Era moden kini adalah era syahwat, kesenangan hedonistik dan materialistik. Oleh sebab itu, perlu mengimbangkannya dengan sesuatu yang dapat menjadi penyelesaian kepada masalah tersebut. Said Hawwa yakin jalan penyelesaian tersebut dengan pendidikan spiriual dan bertasawuf (Said Hawwa: 1999:13).

Said Hawwa memberi beberapa catatan dalam siri tasawuf iaitu:

- i. Dalam siri ini, beliau ingin setiap muslim yang menuju Allah akan merasakan hakikat keimanan. Pada masa yang sama, ingin memperkenalkan kepada umat Islam hakikat tasawuf dan ia tidak memperkatakan perkara yang rumit. Beliau berharap agar siri ini boleh dibaca oleh semua orang dan berbagai lapisan,
- ii. Beliau berharap buku ini merupakan permulaan kepada umat Islam untuk mempelajari ilmu tasawuf dengan lebih serius melalui karya al-Muhasibi, al-Ghazali dan al-Qusyairi.

- iii. Buku ini merupakan petunjuk kepada orang ramai dalam memahami tasawuf untuk kemudian mengamalkannya. Beliau mengizinkan untuk orang Muslim untuk mengamalkan amalan tersebut dan mengambil manfaat daripada praktiknya serta mengajar kepada orang lain. Di samping itu, beliau juga memanfaatkan tulisan ini dengan rujukan dan memetik dari buku-buku tasawuf yang dianggap mudah dibaca.
- iv. Beliau berharap bahawa dakwah Islam moden berusaha untuk mengumpulkan warisan kebaikan dan membersihkannya dari kekeliruan yang menyelimutinya. Semua kebaikan yang diperlukan umat ini harus bersih dari “asap” dan inilah kewajipan utama gerakan dakwah masa kini. Begitu juga terdapat gerakan salafi yang berjalan dengan pemahaman yang kurang jelas. Bahkan kadangkala salah. Begitu pula dengan strategi yang menghancurkan “binaan” yang ada. Oleh itu, beliau berharap adanya gerakan salafiah yang memiliki panduan jelas sehingga diketahui mana yang mesti dihancurkan dan mana yang mesti dibentuk atau dibina.
- v. Membina generasi pewaris yang dapat memenuhi kewajipan dakwah sesuai dengan keadaan ummat. Mereka mempunyai ilmu, amal dan hati telah bersinergi (Said Hawwa, 1999:15).

Beliau juga menegaskan antara karakteristik tasawuf ialah :

- i. Tasawuf menjadi kecenderungan paling asal dalam jiwa manusia.
- ii. Tidak ada alasan untuk menolak atau menerima tasawuf secara mutlak dengan syarat perlunya ‘alat ukur’ untuk menolak atau menerimanya.
- iii. Tanpa manfaat tasawuf sering manusia tidak mampu mengubati sebahagian besar penyakit mental atau kejiwaan manusia yang ada pada zaman ini. Permasalahn kejiwaan memerlukan pendidikan spiritual. (said Hawwa, 1999:16)

Said Hawwa mempertahankan tasawuf dari golongan yang

mengingkarinya. Menurutnya, ilmu tasawuf telah mapan dan sebagai kemestian sejarah serta didasarkan kepada al-Quran dan al-Sunah. Dalam al-Quran dan al-Sunah, banyak yang menyentuh perkara keimanan, hati, perasaan, penyakit hati dan ubatnya, jiwa manusia dan penyuciannya. Sangat wajar apabila kemudian muncul ulama-ulama yang mengenal pasti konsep-konsep tersebut menjadi sebuah kajian tersendiri dan melahirkan ilmu tersendiri iaitu ilmu tasawuf dan suluk. Kewujudan ilmu tasawuf bukanlah sesuatu yang aneh malah menjadi kebiasaan ulama-ulama untuk menulis tema kajian tertentu dalam tulisan tersendiri. Mereka mengumpulkan bahan-bahannya, membandingkan satu sama lain, memberi penjelasan dan memberi jawapan atas semua permasalahan yang berkaitan dengan objek kajiannya. Dari sinilah lahirnya ilmu tasawuf (Said Hawwa, 1999: 17).

Menurutnya lagi, tasawuf dan persekitaran sufistik sangat mampu mewujudkan manusia yang sempurna iaitu manusia yang selalu memenuhi kewajipan ubudiahnya kepada Allah, manusia yang sangat dermawan dalam segala hal ketika berinteraksi dengan sesamanya. Dengan itu terbentuklah sebuah susunan masyarakat yang menjunjung tinggi nilai-nilai moral, saling menyayangi, mengasihi dan menghormati. Beliau juga mengakui adanya sebahagian sufi yang mencampuradukkan antara kebaikan dengan 'asap' sehingga mempengaruhi bentuk bangunan yang mereka buat. Oeh itu, beliau bertekad untuk mewujudkan sebuah pendidikan tasawuf yang sempurna dan bersih dari "asap" dan perkara itu perlu diawali dengan persekitaran sufistik yang bersih (Said Hawwa, 1999:17).

Beliau mengatakan bahawa alasan untuk memberikan perhatian yang lebih terhadap penulisan buku tentang tasawuf kerana tasawuf dan pengamal-pengamalnya adalah mereka yang berjaya berdakwah dengan memasuki berbagai wilayah dan daerah yang tidak dimasuki orang lain. Oleh itu, penulisan tasawuf perlu dalam kerangka membebaskan tasawuf, mengkritiknya dan menempatkan beberapa persoalan pada tempatnya yang tepat. Penulisan tersebut bukan hanya menyebutkan kekeliruan semata-mata tetapi juga perlu menjelaskan bagaimana yang sebenar dan mengemukakan pengganti yang lebih baik untuk memperbaiki beberapa kekeliruan.

Penulisan buku tersebut mesti ada penjelasan menyeluruh tentang ilmu tasawuf, perilaku dan perkataan ahli-ahlinya. Sekiranya tidak ada penjelasan yang memuaskan, maka kesesatan akan tetap bersemayam di dalam jiwa kerana masih adanya penjelasan yang keliru (Said Hawwa.1999:8).

Muhammad Amin al-Kurdi mendefinisikan tasawuf sebagai ilmu yang dengannya dapat diketahui keadaan aspek kerohanian manusia (al-nafs) baik atau buruknya serta cara untuk membersihkannya dari keburukan atau kejahatan itu dan menghiaskannya dengan sifat-sifat terpuji. Kesan dari tasawuf ialah bersih hati sekaligus dapat keredahaan Allah (Muhammad Amin al-Kurdi, 2004:265)

Tasawuf bukanlah sesuatu ilmu yang berbahaya dan termasuk dalam perkara bidaah yang wajib dijauhi. Nama-nama pengistilahan seperti itu bukanlah termasuk dalam kategori yang disebut dalam hadis nabi SAW sebagai *muhdasatul umur* (perkara yang direka-reka) (al-Buti, 2003:11). Menurut al-Buti, matlamat ihsan tidak dapat dicapai melainkan dengan mensucikan jiwa dan melatih hati untuk merasai makna-makna kecintaan, tawakal, ketakwaan,keredaan dan keikhlasan kepada Allah seperti yang dijelaskan oleh baginda SAW yang telah diriwayatkan daripada Umar bin al-Khatab dan Abu Hurairah:

ما الإحسان؟ قال : أن تعبد الله كأنك تراه ، فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Ihsan ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, tetapi jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihat kamu.

Oleh itu, usaha mensucikan jiwa dan menanamkan hakikat makna-makna keimanan ke dalam hati adalah perbuatan baik yang sangat disuruh selama mana usaha tersebut masih lagi terikat dengan hukum-hukum syarak yang diambil dari dalam al-Quram, al-Sunah dan ijmak ulama muslimin. Tetapi ia akan menjadi perkara batil yang amat ditegah apabila bertentangan dengan syariat Islam (al-Buti, 2005:190). Oleh itu, al-Buti menegaskan elemen-elemen tasawuf telah wujud bersama dengan kelahiran Islam walaupun

istilah tawasuf itu muncul kemudian dan suatu istilah baru (al-Buti, 2005:189).

Pengertian al-Qalb, al-Ruh. Al-Nafs dan al-‘Aql.

Pengertian al-Qalb

Kata ini digunakan untuk menyebut dua hal, pertama, sepotong daging lembik dan lembut yang berada di sebelah kiri dada, iaitu sepotong daging yang khusus. Di bahagian dalamnya terdapat rongga-rongga tempat darah mengalir. Itulah tempat bersemayamnya roh. Pengertian kedua, al-Qalb adalah suatu rahsia yang halus (*latifah*) yang bersifat rabbaniyah dan ruhaniah yang memiliki hubungkait dengan al-Qalb yang bersifat jasmani. Latifah tersebut adalah hakikat manusia itu sendiri. Al-Qalb itulah yang dapat berperanan sebagai *mukhathab* (pihak yang diajak bicara) yang dapat merasakan kesusahan, dapat merasakan akibat dan dapat dituntut. Al-Qalb atau hati ruhani ini mempunyai hubungkait dengan hati yang bersifat jasmani. (Said Hawwa, 1999:24)

Pengertian al-Roh

kata ini juga digunakan untuk menyebut dua hal, pertama, bentuk yang halus yang berpusat pada rongga hati jasmani. Roh menyebar melalui urat nadi keseluruhan badan. Alirannya berada di seluruh tubuh dan memancarkan cahaya kehidupan, membuat indera perasa, penglihatan, pendengaran dan penciuman berfungsi. Pengertian kedua, roh adalah suatu rahsia yang lembut dan mampu untuk mengetahui dan menyedari yang dimiliki oleh manusia. Roh inilah yang merupakan hal yang mengagumkan yang bersifat rabbani yang tidak mampu diketahui hakikatnya oleh kebanyakan akal manusia. (Said Hawwa. 1999:24)

Pengertian al-Nafs

Kata ini mempunyai dua pengertian, pertama *al-nafs* difahami sebagai istilah yang meliputi kekuatan atau daya marah dan keinginan (syahwat) dalam diri manusia. Makna kedua adalah rahsia atau latifah yang lembut yang merupakan juga hakikat manusia. *Al-nafs* memiliki beberapa sifat dan ciri-ciri yang berbeza mengikut keadaannya. *Al-Nafs al-Mutmainnah* (jiwa yang tenang) iaitu nafsu yang dapat menjalankan perintah Allah dengan tenang dan

mampu mengalahkan syahwatnya. *Al-Nafs al-lawamah* iaitu nafsu tidak dapat tenang dengan sempurna tetapi terus berusaha untuk memerangi syahwatnya dan sentiasa menyesali dirinya sendiri ketika kendur semangat ibadahnya kepada Allah. *Al-Nafs al-Ammarah bi al-su'* iaitu nafsu tidak lagi melakukan perlawanan bahkan selalu mengikuti syahwatnya dan pujukan syaitan. (Said Hawwa, 1999:15)

Pengertian *al-'Aql*

Pertama, *al-Aql* diertikan sebagai mengetahui tentang hakikat sesuatu sehingga menjadi satu ungkapan tentang sifat ilmu yang tempatnya ada di dalam al-Qalb atau hati. Kedua, kata *al-Aql* digunakan dengan pengertian pengetahuan yang mampu mengetahui berbagai ilmu iaitu al-Qalb yang berupa latifah. (Said Hawwa, 1999:25)

Menurutnya keempat istilah tersebut mempunyai muara makna yang sama dan perbezaan hanyalah pada persoalan nama atau istilah kerana adanya perbezaan sifat dan ciri-ciri yang dimiliki oleh roh manusia. Sekiranya roh dapat mengalahkan syahwatnya, maka dinamakan sebagai *al-nafs*. Sekiranya roh mampu mengalahkan syahwatnya yang diharamkan, maka dinamakan dengan *al-'aql*. Sekiranya roh menemui keimanannya maka dinamakan dengan *al-qalb*. Sedangkan jika mampu mengetahui tentang Allah dengan pengetahuan atau makrifat yang sejati dan mempersembahkan ubudiyah yang sejati pula kepadaNya, maka dinamakan dengan *al-Roh*. (Said Hawwa. 1999:26)

Pada sisi yang lain, keempat istilah tersebut juga merujuk pada pengertian selain yang dipaparkan. *Al-Nafs* diertikan sebagai darah dan sering juga diertikan sebagai kehidupan. kata *al-'Aql* sering difahami sebagai tempat untuk berfikir iaitu otak dan kadangkala diertikan sebagai kecerdasan yang juga mempunyai hubungkait dengan otak, Roh sering difahami sebagai kehidupan (Said Hawwa, 1999:26).

Demensi Cakupan Ilmu Tasawuf

1. Roh

Said Hawwa turut menghuraikan konsep roh dalam ilmu Tasawuf. Pada dasarnya ilmu tasawuf tidak membahaskan mengenai hakikat roh, kerana persoalan ini sudah jelas ditegaskan oleh nas al-Quran

yang tidak berbicara tentang hakikat roh ini. Pada awal penciptaanya, roh sudah mengenal Allah SWT mengenai kedudukannya sebagai hamba-Nya dan mengaku bahawa Allah SWT adalah Tuhannya. Namun demikian, setelah roh bercampur dengan tubuh, maka apa yang pernah diketahui dan diakuinya dilupakan. Roh telah lupa tentang status kehambaannya sebagai akibat ia telah terpengaruh oleh persekitaran kehidupannya sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah SAW: “Manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah(suci), bapa dan ibunya yang menjadikannya sebagai Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (HR Ahmad bin Hanbal) (Said Hawwa, 1999:43)

Roh dibentuk dan dipengaruhi oleh sejumlah faktor yang merangkuminya. Faktor-faktor tersebut dapat menjauhkan roh dari mengenal Allah SWT dan mengakui statusnya sebagai hamba-Nya sehingga roh mesti dikembalikan kepada statusnya awalnya dan kesempurnaannya. Kebanyakan manusia terjebak dalam hal yang berlebih-lebihan atau mengecilkan erti fitrah sehingga membuat mereka semakin jauh dari fitrah dan dari status kehambaan itu. Mengembalikan roh pada kedudukan asalnya yang sempurna bukanlah tugas mudah yang dapat dilakukan oleh semua orang dan itulah yang menjadi kajian ilmu tasawuf. Roh mesti dikembalikan kepada pengetahuan yang sempurna tentang Allah dan ini menuntut seseorang untuk menghayati nama-nama Allah SWT disertai penghambaan yang menyeluruh. Inilah jalan ilmu yang diizinkan dan juga merupakan aktiviti pengamal-pengamalnya iaitu mereka yang selalu berzikir kepada Allah (Said Hawwa, 1999:43). Secara ringkas, perbincangan roh berkisar pada dua isu utama:

- i. pengembalian roh kepada keaslian makrifahnya; dan
- ii. pengembalian roh kepada kesempurnaan ubudiyahnya

2. Al-Qalb

Dalam al-Quran terdapat banyak ditemukan kata *al-qalb*. Al-Quran mengungkapkan hati yang buta, hati yang bersifat keras, hati yang berpenyakit, hati yang cenderung kepada bisikan syaitan dan hati yang bersih. Apa tanda-tanda hati yang sihat dan berpenyakit apakh ujuran kesempurnaan hati dan kekurangannya. Semua pertanyaan tersebut adalah sebahagian daripada ilmu tasawuf yang sudah melahirkan banyak pakar dan pengamal pengetahuan tentang hati.

Said Hawwa membuat kesimpulan dalam membicarakan tentang hati :

- i. Bahawa dunia hati merupakan dunia yang sangat luas. Sihat dan sakitnya hati merupakan dua hal yang sangat kompleks dan rumit yang dapat menjadi penyebab kebinasaan atau kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- ii. Memperbaiki hati memerlukan pengetahuan, praktik dan pencegahan. Pengetahuan diperlukan agar seseorang mengetahui intipati kesihatan dan penyakit. Praktik diperlukan untuk menghilangkan penyakit dan penyembuhkannya. Sementara pencegahan diperlukan agar terjadi keinginan untuk memelihara diri dan dia tidak salah memahami dan menanggapi sesuatu yang tidak sihat sebagai hal sihat. Semua hal tersebut adalah sebahagian daripada prinsip-prinsip perbahasan ilmu tasawuf. (Said Hawwa, 1999:47)

3. Akal

Dalam istilah-istilah keislaman, ada dua istilah tentang akal ini, iaitu akal taklifi dan akal syar'i. Akal Taklifi dipunyai oleh semua manusia selagi sedar dan tidak menderita penyakit gila. Dengan akal taklifi inilah manusia diberi beban taklif. Akal taklifi ini merupakan bahagian yang paling rendah yang dimiliki oleh setiap orang mukallaf, yang dengannya dia dibebani taklif, dihisab dan ditanyakan di hadapan Allah SWT tentang penggunaan akal tersebut.

Akal syar'i ini bertempat di dalam hati dan mempunyai beberapa kategori. Di antaranya adalah akal syar'i yang sempurna yang ciri-cirinya adalah seseorang yang mampu mengendalikan syahwatnya untuk mentaati Allah disertai pemahaman tentang-Nya dan penyerahan diri kepada-Nya. Jenis akal syar'i ini dan bagaimana agar dapat mencapainya adalah salah satu daripada beberapa kajian dalam ilmu tasawuf. Perbicaraan akal syar'i tertumpu pada persoalan bagaimana hati mengenal dan memahami Allah, bagaimana nafsu dapat dikawal agar sentiasa menepati kehendak Allah dan seterusnya menemukan jalan untuk mencapai kesempurnaan *al-'aql al-syar'iy al-kamil*. (Said Hawwa, 1999:48)

4. al-Nafs

Sebahagian sufi menganggap bahawa *al-nafs* adalah roh setelah bersatu dengan jasad, lalu timbul pelbagai keperluan dan tuntutan jasadiyah. Dalam keadaan demikian, tanpa daya kawal yang secukupnya, *nafs* menjadi berleluasa dengan keinginan-keinginan di luar batasan kewajaran sehingga menyebabkan rosak dan berpenyakit. Langkah awal agar diperolehi *nafs* yang sihat adalah tidak rela mengikuti nafu tersebut. Nafsu dalam kepelbagaian keadaannya itulah yang disebut pengkategorian dalam al-Quran sebagai ; *nafs muzakkah*, *nafs mudassah*, *nafs ammarah*, *nafs lawwamah* dan *nafs mutma'innah*. Tasawuf secara khusus adalah ilmu yang menangani masalah tazkiyah dan *mujahadah al-nafs* iaitu pemurnian, pengawalan dan penyihatannya (Said Hawwa, 1999: 49).

5. Merealisasikan ilmu Akidah

Perbahasan ilmu akidah umumnya bersifat agrumentatif atau pendalilan tentang hakikat iman, tanpa memberikan perhatian yang secukupnya aspek merealisasikan rasa keimanan yang diungkapkan oleh Said Hawwa sebagai al-janiba al-dhawqiy wa al-affiy wa al-shu'uriy wa tahaqquqi. Dalam hal ini, tasawuf berperanan sebagai ilmu pembimbing ke arah merealisasikan rasa tersebut dengan hakikat keimanan. Ilmu tasawuf adalah ilmu yang membahas tentang bagaimana merasakan makna dari ilmu akidah. Ilmu akidah bukan hanya dalam bentuk konseptual tetapi juga berdemensikan eksperiensial atau rasa keimanan dan kelazatan yang hakiki sebagaimana dalam sabda nabawi sebagai halawat al-iman. Tasawuf yang sebenar adalah tawasuf yang menghantarkan seseorang mampu menghayati akidahnya. Mereka adalah benar-benar mengenal makrifat Allah menurut ahli sunnah wal jamaah dan mempunyai perasaan atau *al-Dhawuq* yang sesuai dengan ajaran al-Quran dan sunah. (Said Hawwa, 1999:52).

6. Pelengkap Ilmu Fiqh

Perbahasan ilmu fiqh biasanya terbatas pada aspek lahiriah; perkataan dan perbuatan dalam ibadat seperti taharah dan solat tanpa perhatian yang memadai terhadap dimensi dalaman dan batiniah. Ilmu tasawuf yang mengarap persoalan ini dan pelengkap ilmu fiqh dalam aspek kerohanian seperti ikhlas, khusyuk dan sebagainya. Sesiapa yang belajar fiqh tetapi tidak belajar tasawuf maka dia akan menjadi fasik.

Sesiapa yang bertasawuf tetapi tidak berfiqh maka dia akan menjadi zindiq. Sesiapa yang berfiqh dan bertasawuf, maka dialah yang betul. Tasawuf dan fiqh adalah dua ilmu yang melengkap. Seorang ahli fiqh mesti bertasawuf dan seorang ahli sufi mesti taat pada hukum fiqh (Said Hawwa, 1990: 57)

7. Pengaktualisasian al-Kitab dan al-Sunah

Nas-Nas al-Quran dan al-Sunah bukan sekadar untuk dibaca tetapi harus difahami, diamalkan, dihayati dan diaktualisasikan. Demikian implikasi penyifatan peribadi nabi SAW dengan ungkapan '*kana khuluquhu al-quran*' (Akhlak Rasulullah adalah al-Quran). Tasawuf adalah ilmu yang menggarap dimensi pengatualisasian prinsip dan nilai ajaran al-Quran dan al-Sunah. Tasawuf yang mengajar dan membimbing agar iman, Islam dan Ihsan itu diaktualisasikan dalam bentuk pengamalan yang sebenar. Bidang kajian tasawuf yang sebenar adalah pengaktualisasian nas secara benar berpandukan kefahaman yang benar seperti yang diungkap Siad Hawwa sebagai *al-tahaqquq al-Sahih bi al-Nusus 'ala daw'i al-fahm al-sahih*. Seorang sufi sejati tidak hanya memahami saja tetapi menggabungkan dengan penghayatan dan pengalaman, sesuatu yang tidak dilakukan oleh orang lain. Sekiranya tidak demikian, maka itu bukan tasawuf yang sebenar (Said hawwa, 199: 57)

Inilah tujuh perkara utama dalam memahami hakikat ilmu tasawuf menurut perspektif Said Hawwa.

Perjalanan Menuju Allah

Said Hawwa menjelaskan betapa banyak kesalahan terjadi di kalangan orang tentang perjalanan menuju Allah dengan memperadukkan intipati dengan kulit, hakikat dengan kesalahan. Ramai yang menjadikan sarana sebagai tujuan, menganggap sesuatu yang bersifat pengantar sebagai segala-galanya. Sebagai contohnya, sebahagian orang menganggap tercapainya hati yang bersih dan tenang sebagai puncak perjalanan dan menjadikannya sebagai tujuan dari segala tujuan sehingga mereka melupakan banyak kewajipan yang mesti dipikul. Said Hawwa mengkritik orang yang mahu bersufi tetapi melupakan jihad. Said hawwa menjelaskan : "di antara perintah Allah adalah perintah untuk berjihad, menjadikan kalimah Allah tetap tinggi. Sekiranya kita melihat seorang ahli sufi yang

menyibukkan diri dengan persoalan hati yang bersih sepanjang hidupnya, padahal dia berkewajipan untuk menegakkan kalimah Allah dan dia melupakan banyak kewajipan dengan tetap berangapan bahawa apa yang dilakukannya merupakan suatu kesempurnaan, Maka itu adalah salah besar!!!” (Said Hawwa, 1999:621) Beliau menganjurkan bahawa ilmu tasawuf perlu dipelajari oleh semua orang dan bukan bersifat eksklusif kerana setiap orang muslim perlu menempuh perjalanan menuju kepada Allah. Tasawuf adalah ilmu yang diperlukan oleh semua orang dan semua lapisan (Said Hawwa, 1999:63).

Menurut Said Hawwa dalam perjalanan menuju Allah ada dua perkara yang terpenting iaitu ilmu dan zikir. Tidak ada perjalanan menuju Allah tanpa ilmu dan tidak akan tercapai perjalanan menuju Allah tanpa disertai dengan zikir. Ilmu yang dimaksudkan itu ialah ilmu tentang al-Quran, al-Sunah dan segala ilmu yang diperlukan seseorang yang menempuh perjalanan sementara yang dimaksudkan dengan zikir adalah zikir yang ma'thur dengan tetap memegang teguh kepada Allah dan rasul-Nya. Menurutnya, walaupun seseorang itu mempunyai ketinggian ilmu dalam makrifah ketuhanannya tetapi ia memerlukan zikir untuk mencapai kesempurnaan menuju Tuhan. Beliau memperincikan lagi ilmu dengan menyebutkan empat jenis ilmu yang mesti dikuasainya iaitu (1) ilmu tentang zat, sifat Allah SWT dan nama-nama-Nya, (2) ilmu fiqah, (2) ilmu al-Quran dan hadis, (4) ilmu tentang keadaan dan maqam, hal-hal yang dapat menjernihkan *al-nafs* lain-lain (Said Hawwa, 1999:66-67).

Oleh itu, Said Hawwa menegaskan keperluan ilmu kerana ilmu merupakan imam dalam perjalanan menuju Allah. Sesiapaupun yang beramal tanpa ilmu, maka amalnya tertolak. Beliau juga menegaskan keperluan berpegang teguh kepada syariat kerana ia dapat menyalakan cahaya keimanan dan bahan bakar abadi bagi hati agar cahayanya tetap menyala. Berpegang teguh kepada syariat dan pengamalan al-Quran itulah manusia dapat tetap dalam hidayah-Nya. (Said Hawwa, 1999:83) Dalam proses penyucian jiwa ini, perkara utama adalah memusatkan perhatian kepada usaha memperbaiki hati tersebut agar menjadi sihat dan menjaga hati dari godaan syaitan. Perhatian kepada hati, tidak bererti mengabaikan aktiviti berfikir, bahkan syarat utama untuk memperbaiki hati adalah

ilmu, berfikir, pengetahuan, makrifat yang disertai dengan zikir dan amal perbuatan. (Said Hawwa, 1999:88)

Said Hawwa menyarankan agar melakukan latihan-latihan spiritual mengikut kadar kemampuan. Latihan-latihan spiritual yang dilakukan itu tidak mengganggu pekerjaan dan kewajipan serta mensia-siakan hak keluarga. Melalui latihan spiritual ini akan dapat meningkatkan keimanan dan makna tauhidnya menjadi semakin kuat. Latihan-latihan tersebut mempunyai aktiviti berikut:

- i. Solat fardu berjemaah
- ii. Solat sunat rawatib
- iii. Solat sunat seperti dhuha, tasbih dan solat malam
- iv. Bertekad mengkhawatir semasa menjalani latihan
- v. Banyakkan berzikir
- vi. Berpuasa (Said Hawwa, 1999:99)

Beliau juga menyarankan agar sentiasa melakukan wirid harian. Wirid harian yang menjadi aktiviti rutin seorang muslim perlu ada had minimum wirid-wirid dan ayat-ayat yang mesti dibaca dan perlu menambahkan wirid tersebut sekiranya mempunyai masa terluang dan untuk meningkatkan lagi spiritual. Dalam hal ini, beliau membawa dalil hadis yang menunjukkan nabi sentiasa melakukan wirid harian. Sabda Rasulullah SAW : *Sesungguhnya ada yang menutupi hatiku sehingga aku beristighfar seratus kali sehari.* (HR Muslim)

Wirid harian yang disarankan oleh Said Hawwa seperti berikut :

- i. solat wajib berjemaah, solat sunat-sunatrawatib dan zikir-zikir setelah solat, solat malam dan solat Dhuha.
- ii. Istighfar harian -100 kali
- iii. wirid
- iv. لا إله إلا الله وحده لا شريك له , له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير
- v. Memca surah al-Ikhlâs tiga kali
- vi. Membaca sebahagian juzuk dari al-Quran
- vii. Banyakkan zikir dan berdoa pada masa-masa tertentu seperti

doa makan, tidur dan lain-lain. (Said Hawwa, 1999:102)

Tazkiyah al-Nafs

Menurut Said Hawwa, tazkiyah dari segi bahasa mempunyai pelbagai makna seperti mensucikan atau membersihkan, tumbuh atau menjadi semakin besar dan menjadi semakin banyak. Begitu juga dari segi istilah iaitu membersihkannya dari segala penyakit hati atau perkara yang menyebabkan bencana dan bahaya kepada jiwa. Tazkiyah al-Nafs ini akan terhasil apabila seseorang itu dapat melakukan ibadat dan amalan-amalan yang lain bertepatan dengan perintah Allah seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW. Dengan demikian, maka jiwa orang tersebut sudah menjadi suci dan bersih dari segala jenis penyakit batin. Apabila hati itu suci maka akan meninggalkan kesan dan pada seluruh anggota badan seperti budi pekerti yang luhur dan amat baik hubungannya kepada Allah dan sesama manusia. (Said Hawwa:1988:3-4) Dalam pelaksanaan tazkiyah al-Nafs ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian iaitu :

- i. Memerlukan penerarahan segala tenaga dan kekuatan untuk meraih tazkiyah al-Nafs serta sentiasa berdoa untuk memilikinya. Perkara ini kerana banyak penghalang dan rintangan dalam pelaksanaannya.
- ii. Termasuk dalam pembersihan jiwa itu ialah memberikan pengampunan kepada orang yang berbuat buruk kepada kita.
- iii. Tidak mengikut jejak syaitan sebab syaitan sentiasa menyuruh melakukan kekejian dan kemungkaran.
- iv. Tidak suka menyebarkan kekejian atau menyiar-nyiarkan kepada orang ramai. Begitu juga enggan menempuh jalan-jalan yang menuju ke arah penyebaran itu dalam bentuk secara langsung difahami atau sebaliknya.
- v. Menahan lisan dari memperkatakan sesuatu mengenai seseorang atau tuduhan-tuduhan lain kecuali apabila telah benar-benar nyata syarat-syarat kesaksiannya dan dipastikan bahawa perbuatan tercela itu dilakukan.

Kelima perkara di atas mempunyai hubungan erat dengan pembersihan jiwa manusia (Said Hawwa 1988: 153)

Said Hawwa menegaskan bahawa wasilah yang pertama untuk mencapai kesucian jiwa ialah solat. Solat mempunyai amalan-amalan seperti rukuk, sujud dan bacaan-bacaannya yang berupa zikir itu dapat menyucikan jiwa daripada sifat takabur kepada Allah dan mengingatkan diri agar sentiasa beristiqamah. Termasuk dalam wasilah penyucian jiwa ialah *amar bil ma'ruf* dan *nahi annil munkar* atau berjihad. Perkara ini kerana jihad merupakan suatu aspek untuk memperdalamkan dan menyebarkan perkara kebaikan serta melemahkan dan melenyapkan segala bentuk kemaksiatan dan kemungkar. Menurut Said Hawwa berjihad merupakan wasilah untuk tazkiyah, malah yang tertinggi dan terbesar nilainya kerana pada umumnya tidak mungkin ada yang suka melakukannya melainkan orang yang benar-benar telah suci bersih hati dan jiwanya (Said hawwa, 1988:27-29).

Mujahadah al-Nafs

Dalam mujahadah *al-nafs*, ia mesti dimulai dengan keimanan kepada Allah dan menunaikan kewajipan fardu dengan sempurna. Beliau juga mengemukakan empat rukun mujahadah iaitu *al-'uzlah* (mengasingkan diri), *al-Samt* (Diam), *al-Ju'* (Menahan lapar), dan *al-Sahr* (Berjaga pada waktu Malam).

'*Uzlah* atau mengasing diri kalangan umat Islam bukan prinsip dalam kehidupan seorang Muslim. Perkara prinsip adalah bergaul dan hidup bersama dengan mereka secara baik dan saling mencintai kebaikan. Itulah prinsip dalam kehidupan seorang muslim.

Menurutnya tiada alasan untuk beruzlah dari orang yang benar. Uzlah yang dibolehkan hanya dari kesesatan dan mereka yang sesat dan inilah hukum asal dalam masalah sama ada hidup bersama (*khalthah*) atau beruzlah. (Said Hawwa, 1999:121). Namun Said Hawwa menyebutkan bahawa uzlah dibolehkan dengan syarat ia tidak mengabaikan hak dan kewajipan yang lain. Menurutnya, para ulama besar menjadikan uzlah sebagai kesempatan untuk merenung dan mengasah pemikiran mereka serta bertujuan untuk membebaskan diri dari penyakit hati atau mewujudkan kemaslahatan ilmu mahupun keimanan. (Said Hawwa, 1999:123)

Aspek kedua ialah berdiam. Menjaga lisan sesuai dengan tuntutan syariat Allah merupakan perkara yang sangat penting dan sangat sukar dilakukan oleh manusia. Hukum asal lisan adalah tidak digunakan kecuali dalam kebaikan dan dimestikan menjagakannya dari percakapan yang buruk. Oleh itu, perlu menjaga lisan dari dua perkara iaitu percakapan berdosa dan percakapan yang sia-sia. Orang muslim perlu membiasakan dengan diam yang merupakan sebahagian dari mujahadah dan sangat diperlukan dalam perjalanan menuju Allah SWT. Diam yang dimaksudkan ini adalah diam yang bersifat situasional iaitu diam ketika tidak ada kewajipan untuk berbicara. Sementara berada pada situasi yang memerlukan dia berbicara seperti urusan amar makruf nahi mungkar atau dalam kegiatan pengajaran yang wajib, maka diam pada situasi seperti itu hukumnya haram. (Said Hawwa, 1999:124)

Aspek ketiga ialah *al-Ju'*(lapar). Islam meletakkan kaedah umum dalam persoalan makan iaitu makan dan minum sekadar dapat membantu kekuatan seseorang sehingga dia mampu untuk melaksanakan kewajipan dan hal-hal yang difardukan. Makan dalam pengertian ini hukumnya wajib manakala aneka jenis makanan yang dimakannya sehingga kenyang adalah mubah hukumnya. Sementara berlebih-lebihan dalam hal makan ini hukumnya haram. Meskipun makan sampai kenyang hukumnya mubah, tetapi selalu merasa kenyang sepanjang kehidupan seorang muslim bukanlah yang menjadi hukum asalnya. (Said Hawwa, 1999:126)

Aspek keempat ialah berjaga malam (*al-Sahar*). Menurutnya, seorang muslim mesti menjaga solat subuh berjamaah, beristighfar pada waktu sahur, solat tahajud dan lain-lain amalan. Bangun pada waktu malam untuk beribadah merupakan pekerjaan berat bagi seseorang. Oleh sebab itu, dia layak mendapatkan pahala yang besar. Ibadah pada waktu malam lebih menjernihkan dan berpengaruh jiwa dengan ibadah pada waktu yang lain. (Said Hawwa, 1999:127)

Said Hawwa juga mengariskan tiga perkara dalam mengiatkan aktiviti perjalanan menuju Allah iaitu :

- i. Berjamaah atau berkumpul seperti solat berjamaah, berkumpul untuk kegiatan keilmuan, berzikir dan berdiskusi. Antara tanda kebenaran majlis zikir atau ilmu tersebut adalah orang yang mengikutinya akan bertambah baik keadaan dan imannya.

Termasuk dalam hal ini mengadakan majlis zikir atau halaqah zikir. (Said Hawwa, 1999:138)

- ii. Bersenandung atau *al-insyad*. Para ahli sufi menjadikan nyanyian, bersenandung, bersyiar sebagai pembangkit semangat dalam perjalanan menuju Allah. Menurut Said Hawwa, ahli-ahli sufi menjelaskan konsep perjalanan menuju Allah dalam untaian bait-bait syair . Syair dan nyanyian mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan seseorang. (Said Hawwa, 1999:143)
- iii. Membaca buku-buku tasawuf dan kisah-kisah Orang saleh.Said Hawwa mengalakkan membaca sejarah hidup tokoh-tokoh yang reputasinya diterima oleh semua umat Islam seperti al-Junaid dan Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani yang menurut Ibn Taimiyah bahawa karamah beliau diterima sampai kepada kita secara mutawatir. Membaca riwayat hidup tokoh-tokoh seperti itu dapat membangkitkan semangat orang yang membacanya untuk menempuh jalan menuju Allah. Menelaah kitab-ktab tasawufakan memacu semangat untuk menempuh perjalanan sufistik menuju Allah dan membantu untuk peningkatan spritualnya. Namun beliau memberi peringatan kepada orang yang membacanya agar teliti kerana buku tasawuf kurang menggunakan pendekatan fikah, sebahagian kitab tasawuf berisikan cerita bohong mengenai ahli sufi yang tidak sesuai dengan akal dan syariat dan orang yang membaca dan mempelajari buku-buku tasawuf tenggelam dan berlebih-lebihan sehingga mereka mengalpakan al-Quran dan al-Sunah. (Said Hawwa, 1999:148-149)

Kasyaf, Ilham dan Mimpi serta karamah Menurut Said Hawwa

Dalam perjalanan menuju Allah, matlamat utama ialah ubudiyah dan keredaan Allah. Ubudiyah inilah yang menjadi cita-cita dan harapan seorang salik kepada Allah dan tidak ada yang membahagiakan dirinya selain hal tersebut. Seorang salik yang menuju Allah SWT dapat mengalami mimpi yang benar, kasyaf (tersingkapnya rahsia), memperoleh ilham dan karamah. Semua itu bukan tujuan seorang salik, namun dia merasa berbahagia kerana semua itu merupakan petanda dia diterima oleh Allah SWT. Said Hawwa juga mengkritik ahli sufi yang berlebih-lebihan atau melakukan kesalahan dalam

hal ini. Terdapat sebahagian ahli sufi menjadikan sesuatu yang bukan tujuan sebagai tujuan. (Said Hawwa, 1999:163) Said Hawwa membawa hujah dari Ibn Taimiyyah yang mengatakan karamah Syeikh Abd al-Qadir al-Jilani diriwayatkan secara mutawatir dan memujinya dengan pujian yang jarang dilakukan oleh orang lain. Hujah dari Ibn Taimiyyah ini kerana kebanyakan orang menolak tasawuf dan sufi ini bersandarkan kepada Ibn Taimiyyah. Sedangkan penolakan Ibn Taimiyyah terhadap tasawuf yang berlebihan, melakukan kesalahan dan menyeleweng.

Satu lagi kesalahan besar yang dilakukan oleh ahli sufi ialah menghubungkan antara kasyaf dengan meninggalkan taklif. Mereka menganggap bahawa ketika seseorang telah disingkap kepadanya perkara yang ghaib maka gugurlah kewajipan taklifnya sehingga dia tidak lagi melaksanakan solat, puasa dan lain-lain. (Said Hawwa, 1999:166)

Mereka berdalilkan ayat al-Quran :

“dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin”. (Al-Quran, al-Hijr, 15: 99)

Said Hawwa menyebutkan mereka yang berpandangan sedemikian termasuk dalam kafir berdasarkan ijmak Umat Islam kerana maksud kata “ yakin” dalam ayat di atas adalah “kematian” dengan dalil bahawa Rasulullah tetap menyembah Allah sampai baginda wafat. (Said Hawwa, 1999:166) Beliau menyimpulkan bahawa kasyaf itu ada dan merupakan salah satu yang ditemui oleh salik dalam perjalanan menuju Allah. Kasyaf merupakan anugerah Allah dan kasyaf tidak menyebabkan lahirnya akidah dan syariat yang baru. Beliau membenarkan kasyaf dengan syarat sekiranya sesuai dengan nas al-Quran dan al-Sunah. Antara adab yang perlu dipatuhi oleh seorang salik ialah tidak mengumumkan kasyaf yang dialaminya dan tidak boleh dijadikan hujah dalam aspek syariah.

Pandangan Said Hawwa mengenai kasyaf adalah sama dengan Yusuf al-Qaradawi ketika menghuraikan *syarah ta’alim* Hassan al-Banna mengenai kasyaf dan ilham. Menurut Al-Qaradawi, para ulama tidak menafikan wujudnya kasyaf termasuk Ibn Taimiyyah (al-Qaradawi,

1994:24) Said Hawwa dan al-Qaradawi mengambil pendapat Ibn Taimiyyah kerana kebanyakan orang bersangkaan Ibn Taimiyah menolak kesan iman, takwa dan mujahadah kepada individu serta kasyaf. Bagi al-Qaradawi, kebanyakan orang menzalimi Ibn Taimiyyah kerana menisbahkan pemikiran, pendapat tersebut yang tidak pernah dikatakannya. Mereka membohongi khazanah keilmuan dan amalannya. Bagaimana beliau mengingkari perkara tersebut sedangkan seluruh kehidupan menggambarkan beliau seorang alim rabbani dalam keilmuan dan amalan. Terpancar hikmah dalam hati ke atas lidah dan penulisannya. Ini merupakan kurniaan Tuhan kepada hamba-Nya yang tidak diberikan kecuali mereka yang terpilih dari wali-wali Allah.(al-Qaradawi, 1993: 31)

Bagi kedu-dua tokoh di atas, antara tempat kekeliruan dalam masalah ini di kalangan ahli sufi ialah:

- i. Sebahagian ahli sufi beranggapan ilham dan kasyaf merupakan dalil syari'i malah ilham dan kasyaf merupakan hujah ke atas syariat yang telah ada. Perkara yang diharamkan oleh syarak telah dihalalkan oleh mereka dan sebaliknya.
- ii. Beranggapan ilham dan kasyaf mereka adalah maksum dan suci dan tidak berlaku kesilapan.
- iii. Meremehkan ilmu syariah seperti ilmu al-Quran, fikah, hadis dan lain-lain dan mendakwa mereka tidak perlu menuntut ilmu dengan pelbagai kaedah dan pendekatan. Mereka mengambil secara terus dari Allah.
- iv. Menggambar kasyaf sebagai tujuan terakhir mujahadah mereka bukannya untuk mencari keretaan Tuhan (al-Qaradawi, 1994: 39)

Mengenai ilham, Said Hawwa menyebutkan bahawa ia merupakan fenomena yang dapat terjadi menurut syarak. Bagi orang beriman, ilham itu mesti mempunyai kayu pengukur kerana hati dapat menerima berbagai jenis bisikan. Hati dapat menerima bisikan syaitan, dan bisikan rabbani. Secara umum, hati dapat menerima empat jenis bisikan iaitu bisikan syaitan, bisikan malaikat, bisikan nafsiyah,

bisikan malaikat dan bisikan rabbani. Para ulama menamakan bisikan syaitan dengan was-was, bisikan jiwa dengan hajis (yang terlintas dalam hati), bisikan malaikat dengan khatir (buah fikiran) dan bisikan Allah dengan ilham. (Said Hawwa, 1999:169) Antara tanda-tanda bisikan syaitan adalah tergesa-gesa dan hati gelisah, tanda bisikan jiwa adalah banyak bersorak dan mendesak, tanda bisikan malaikat hati berasa sejuk dan tanda ilham adalah tenang dan hanya ada apabila seseorang dalam keadaan bertauhid. (Said Hawwa, 1999:169) Hati tidak dapat hanya menerima satu bisikan saja atau tetap dalam satu keadaan sahaja yang stabil, hati juga tidak dapat menolak adanya ujian dan hati mesti mempunyai alat ukur iaitu al-Quran dan al-Sunah. Hati yang stabil ialah hati yang bersih dan sihat iaitu hati yang lulus dari berbagai ujian, hati yang selalu berwaspada dari berbagai ujian. Hati yang bersih (*qalbun salim*) bukan tidak diuji, ia tetap diuji dengan berbagai ujian tetapi berbagai ujian itu tidak dapat membahayakannya. (Said Hawwa, 1999:170)

Said Hawwa menyebutkan beberapa kekeliruan dalam perkara ini iaitu :

- i. Mereka menjelaskan masalah khathir, kasyaf, dan ilham dengan tidak bersandar kepada al-Quran, al-sunah, ilmu akidah, fikah dan kaedah-kaedah tasawuf yang benar. Akibatnya, mereka hilang alat ukur tersebut yang menyebabkan penjelasan mereka adalah salah dan keliru.
- ii. Mereka menyebutkan hati manusia boleh sampai pada tingkatan ismah (suci dari kesalahan) dan menganggap semua bisikan yang datang ke dalam hati adalah wahyu yang diturunkan. Mereka menganggap hati wali-wali sama dengan hati nabi-nabi. Anggapan itu jelas satu kekeliruan dan kekufuran.
- iii. Ramai orang yang tidak memiliki alat ukur sehingga mereka menganggap hati syeikh-syeikh sufi itu maksum atau terbebas dari dosa dan kesalahan. Mereka adalah orang-orang yang tersesat dan menyesatkan. (Said Hawwa, 1999:170-171)

Menurut Said Hawwa para ulama membahagikan mimpi kepada tiga kategori iaitu :

- i. mimpi yang merupakan pengaruh dari bayangan jiwa dan kesan pemikiran. (*al-ru'ya al-Nafsiyyah*)
- ii. mimpi yang merupakan pekerjaan syaitan yang masuk dan menguasai tidur dan pemikiran manusia dan memberi bisikan kepadanya. (*al-ru'ya al-Syaitaniyyah*)
- iii. mimpi yang bersifat ruhiyyah dan rabaniah. Jenis ini sangat penting kerana dapat berfungsi sebagai khabar gembira, peringatan, pemberitahuan dan lain-lain arahan kepada manusia.

Said Hawwa tidak mengingkari wujudnya mimpi yang benar yang berlaku kepada orang salik tetapi mereka harus membezakan kategori-kategori mimpi tersebut. Perlu dipertegaskan hanya mimpi para nabi bersifat wahyu sementara selain para nabi bukan wahyu dan tidak boleh dijadikan penetapan hukum syariat. Kesalahan besar yang dilakukan oleh sebahagian besar ahli sufi ialah mereka menjadikan mimpi untuk membina kedudukan yang bertentangan dengan syariat Allah dan menyuruh melakukan sesuatu amalan yang termasuk dalam perkara bidaah (Said Hawwa, 1999:172).

Beliau menyimpulkan perkara ini dengan merujuk kata-kata Hassan al-Banna dalam *Risalah al-Ta'alim* seperti berikut :

- i. Dalam iman yang benar, ibadat dan mujahadah yang benar terdapat cahaya dan kelazatan yang Allah tanamkan dalam hati hamba-hamba-Nya yang dikecuali semuanya tidak bertentangan dengan nas dan hukum agama.
- ii. Ramalan, perbomohan dan mengaku mengetahui perkara ghaib termasuk hal-hal mungkar yang wajib dibenteras kecuali yang ada ayat al-Quran atau rukyah yang *mathurat* (yang berasal dari nabi)
- iii. Setiap orang dapat diambil atau ditinggal pendapatnya kecuali nabi Muhammad yang maksum. Semua yang berasal dari generasi salaf yang sesuai dengan al-Quran dan al-sunah Rasul-Nya lebih berhak untuk diikuti, tetapi tidak boleh mencela peribadi-peribadi mereka yang berbeza pendapat, kembalikan

semuanya kepada niat mereka masing-masing.

- iv. Mencintai, menghormati dan memuji orang-orang soleh kerana mengetahui amal kebaikan mereka termasuk ibadat kepada Allah, manakala wali-wali Allah adalah seperti tercantum dalam surah Yunus : 63: “(iaitu) orang-orang beriman dan mereka juga orang-orang yang bertakwa.” Karamah itu ada di tangan mereka dengan syarat-syarat syariah disertai keyakinan bahawa mereka tidak mempunyai diri mereka sendiri dengan memberi kemanfaatan dan mudarat, sama ada mereka hidup ataupun sesudah mati, apatah lagi mereka mampu memberikan sesuatu dari karamahnya kepada selain mereka. (Said Hawwa, 1999:181)

Dalam buku *Tarbiyatuna al-Ruhiah* khususnya, Said Hawwa mengemukakan sesuatu hujah berdasarkan al-Quran dan al-Sunah. Sebagai contoh mengenai bisikan syaitan, beliau mendatangkan hujah dari al-Quran :

“Tidakkah Kamu lihat, bahawa Kami telah menghantarkan syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka mengerjakan perbuatan kufur dan maksiat dengan bersungguh-sungguh? (al-Quran, Maryam, 19:83)

Mengenai bisikan Ilahi atau ilham, beliau berdalilkan firman Allah :

“Dan orang-orang yang berjihad dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi keredahaan Kami, akan benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik.” (al-Quran, al-Ankabut: 29:69)

Beliau juga membawa dalil hadis dalam menguatkan hujahnya. Dalam bab diam dan menjaga lidah, beliau berdalilkan hadis Nabi SAW:

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah dia berbicara hanya perkara baik atau diam. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan dan hari kiamat, maka

hendaklah dia memuliakan tetangganya, Begitu juga barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah dia memuliakan para tamunya” (HR Bukhari)

Said Hawwa banyak mengambil pandangan Ibn Ata'illah dan Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* dalam menguatkan hujahnya. Sebagai contoh dalam bab wirid, beliau mengemukakan pandangan Ibn Ata'illah yang menyebutkan : “ *Jika kita melihat seorang hamba yang telah dianugerahkan oleh Allah beberapa kistimewaan daan pertolongan berkat wirid yang dilakukan secara berterusan, maka kita jangan sekali-kali menganggap rendah apa yang telah diberikan Allah kepadanya, hanya kerana kita tidak melihat tanda-tanda kewaliannya, seandainya tanpa warid, maka ridak akan wirid.*” (Said Hawwa, 1999:85) Dalam bab menjaga lisan, beliau mengemukakan pandangan Imam al-Ghazali terutama dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*.

Kesimpulan

Said Hawwa mengemukakan tasawuf yang perlu difahami oleh setiap orang muslim kerana setiap orang Islam memerlukannya dalam perjalanan menuju Allah. Tasawuf yang bebas dari perkara-perkara kontroversi dan perbauran tasawuf dengan penyimpangan yang membinggungkan orang awam. Beliau juga menegaskan pemurnian tawasuf terutama kepada ahli gerakan dakwah. Antara tema-tema penting dikupas dengan nada terbaik seperti persoalan hati, adab akhlak dalam menuju kepada Allah, perkara-perkara yang mengiatkan aktiviti kerohanian, kasyaf dan ilham. Keistimewaan perbicaraan tasawufnya kerana dalam dirinya terdapat elemen sufi-salafi-haraki. Beliau menggabungkan tasawuf dengan dakwah kerana itulah hakikat tasawuf yang sebenar. Tasawuf berorientasikan haraki yang seharusnya merakyat dan mengakar di tengah masyarakat. Tasawuf yang berorientasikan haraki ternyata amat instrumental dalam perjuangan jihad sebagaimana yang dapat dilihat dalam perjuangan tokoh-tokoh sufi semasa. Tasawuf yang memberi kesan besar dalam gerakan dakwah dan amal Islam kontemporari.

Bibliografi

- Al-Buti. 2003. *Al-Hikam al-Ata'iyah Syarah wa Tahlil*. Damsyik: Dar al-Fikr
- _____. 2005. *al-Salafiah Marhalah zamaniah Mubarakah la Madhhab Islami*. Damsyik: Dar Al-Fikr
- Al-Kurdi, Muhammad Amin. 2004. *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalah Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Mawqif al-Islam Min al-Ilham wa al-Kasyf wa ru'ya*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarani, Abdul Hafiz Ali Faraghli. *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Negeri Sembilan : Jabatan Mufti.
- Al-Syafi'i, Hasan. 2007. *Fi al-Tasawuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam
- Hawwa, Said. 1986. *Muzakirat Fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin*. Kaherah: Dar al-Salam.
- _____. 1988. *Al-Mustakhlis fi Tazkiyyah al-Anfus*. Kaherah : Dar al-Salam.
- _____. 1999. *Tarbiyatuna al-Ruhiah*. Kaherah: Dar al-Salam..
- Isa, Abdul Qadir. t.t. *Haqa'iq 'Ann tasawuf* dalam www.shazly.com
- Mohd Sulaiman bin Hj. Yasin. 1997. *Mengenal Ilmu Tasawuf 2*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

